

**Anggota Puteri UMNO Digesa Segera Daftar Sebagai Pengundi - Rosnah Bernama  
13 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin pada Isnin menyeru anggota pergerakan itu yang belum mendaftar sebagai pengundi untuk segera berbuat demikian sebelum pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata Pergerakan Puteri Umno juga telah mengambil inisiatif untuk menjejaki anggota Puteri yang gagal berbuat demikian supaya mereka segera mendaftar.

"Ada di antara anggota Puteri tidak mendaftar kerana mereka melanjutkan pelajaran di luar negara serta berpindah.

"Saya telah meminta Ketua Puteri di setiap kawasan untuk menjaga 10 ahli, jadi mereka bertanggungjawab untuk mendapatkan alamat serta informasi terkini pengundi yang belum mendaftar," katanya kepada Bernama selepas majlis pra-pelancaran Kejohanan Bola Jaring Terbuka Puteri Umno Malaysia 2012 di sini.

Rosnah berkata usaha itu dijalankan dari pertengahan tahun lepas dan telah berjaya mengumpul jumlah pendaftaran sebanyak 6,000 pengundi dalam tempoh enam bulan.

"Saya yakin jumlah ini akan bertambah lagi dari semasa ke semasa...jumlah asal (belum mendaftar sebagai pengundi) 60,000 namun kita berjaya kurangkan kepada 40,000 dan kita akan pastikan usaha diteruskan hingga ke akar umbi," katanya.

Beliau berkata faktor kesibukan merupakan alasan utama anggota Puteri Umno tidak mendaftar sebagai pengundi namun beliau berharap agar mereka segera mendaftar setelah dihubungi oleh pihak Pergerakan Puteri Umno.

"Kita bukan sahaja menghantar surat kepada ahli yang belum mendaftar malah turut menghubungi melalui telefon bagi membantu mempercepatkan proses ini," katanya.

Rosnah berkata sebagai warganegara yang bertanggungjawab mereka perlu segera mendaftar sebagai pengundi kerana setiap satu undi amat berguna sebagai tanda sokongan kepada kerajaan.

"Ahli Puteri sendiri perlu memainkan peranan untuk memastikan kita komited untuk menjadi pemilih yang akan memberi kekuatan kepada parti," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645362>